



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

PGT223 - KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 1

SEMESTER 1

SIDANG AKADEMIK 2019/2020

**TAJUK :**

PEMBELAJARAN ABAD KE-21

**NAMA AHLI :**

IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI	136361
NURUL ZUHEINNA BINTI TAN TECK FUI	136485
JURIANA BINTI ISMAIL	136365
MOHLIZA BINTI MD. ALI	136388

**NAMA PENSYARAH :**

PROF. MAD. DR. AZIAH BINTI ISMAIL

## **DEFINISI PEMBELAJARAN ABAD KE-21**

Pendidikan merupakan elemen yang wajib diterima oleh semua lapisan masyarakat. Sejalan dengan slogan ‘pendidikan untuk semua’ yang dikemukakan oleh Menteri Pendidikan, pendidikan sangat penting dalam pembangunan negara. Pendidikan yang bermutu dan berkualiti mampu melahirkan generasi yang dapat memimpin dan membentuk negara pada masa akan datang. Dalam menerajui zaman globalisasi ini, Malaysia tidak ketinggalan berkembang pesat dalam menuju sebuah negara maju. Malaysia juga telah membawa suatu perubahan dalam sistem pendidikan di negara ini iaitu dengan memperkenalkan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21). PAK-21 merupakan sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2014. Setelah meneliti beberapa perkara yang perlu dilaksanakan dalam usaha membawa pembaharuan terhadap sistem pendidikan negara ini, KPM telah mengambil langkah iaitu dengan melaksanakan PAK-21 yang dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini di samping membawa perubahan baru dalam dunia pendidikan. Pembelajaran abad ke-21 ini menekankan kemahiran utama yang berguna kepada pelajar, sama ada dalam aktiviti pembelajaran ataupun kehidupan selepas alam persekolahan

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, pembelajaran abad ke-21 merupakan proses yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti serta mengaplikasikan nilai murni dan etika. Menurut Bannert Berry (2011), PAK-21 merupakan satu bentuk pembelajaran yang memerlukan murid menguasai isi kandungan sambil menghasilkan, mensintesis dan menilai maklumat dari pelbagai mata pelajaran dan sumber-sumber yang luas dengan menghormati budaya yang berbeza. Murid-murid diharapkan dapat mencipta, berkomunikasi, bekerjasama serta celik digital selain mempunyai tanggungjawab sivik.

## **KERANGKA KONSEP PEMBELAJARAN ABAD KE-21**

Kementerian telah memperkenalkan Kerangka Konsep Pembelajaran Abad Ke-21 sejajar dengan semua aspek dalam sistem pendidikan ke arah Pembelajaran Abad Ke-21. Kerangka Konsep PAK-21 ini dilihat dapat memberi kesan positif terhadap diri murid, sekolah dan juga negara, seiring dengan hasrat untuk menjadikan pendidikan di Malaysia sebagai pendidikan yang bertaraf dunia. Berikut merupakan kerangka konsep yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia:

<b>PENGETAHUAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mata pelajaran teras, wajib elektif, dan tambahan</li> <li>• Elemen merentas kurikulum</li> <li>• Pengetahuan pengalaman</li> </ul>
<b>KOMPETENSI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran berfikir</li> <li>• Kemahiran berkomunikasi dan berkolaboratif</li> <li>• Kemahiran hidup dan kerjaya</li> <li>• Kemahiran maklumat, media dan teknologi</li> </ul>
<b>PERWATAKAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan nilai murini yang membentuk jati diri</li> <li>• Memiliki ciri-ciri kepimpinan</li> <li>• Kesedaran sendiri yang tinggi</li> <li>• Mampu berdaya saing di peringkat global</li> </ul>
<b>PERANCANGAN PEMBELAJARAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menetapkan objektif</li> <li>• Merancang aktiviti berteraskan elemen 4K 1N</li> <li>• Feksibel</li> <li>• Merungkai kurikulum berdasarkan tahap keupayaan murid</li> </ul>
<b>PEMBELAJARAN KOOPERATIF DAN KOLABORATIF</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membina kemahiran personal dan interpersonal</li> <li>• Kerja sepasukan</li> <li>• Menerapkan nilai murni dan etika</li> <li>• Mewujudkan komunikasi yang efektif</li> </ul>
<b>KEMAHIRAN BERFIKIR</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meransang dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi</li> <li>• Kritis dan kreatif menyelesaikan masalah dan membuat keputusan</li> <li>• Meningkatkan daya inovasi</li> </ul>
<b>PENTAKSIRAN PEMBELAJARAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berterusan dan menyeluruh</li> <li>• Pentaksiran sebagai pembelajaran</li> <li>• Pentaksiran untuk pembelajaran</li> <li>• Pentaksiran tentang pembelajaran</li> </ul>
<b>EKOSISTEM PEMBELAJARAN POSITIF</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Suasana dan prasarana kondusif</li> <li>• Kesediaan emosi murid</li> <li>• Meraikan pembelajaran</li> </ul>

## STANDARD PEMBELAJARAN ABAD KE-21, KEMAHIRAN PAK-21 & APLIKASI PAK-21 DALAM KEMAHIRAN GEOGRAFI

Terdapat beberapa standard pembelajaran yang telah dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Standar pembelajaran ini menjadi garis panduan bagi murid dan guru dalam memperolehi beberapa manfaat dan kelebihan melalui pembelajaran abad ke-21 ini. Standard pembelajaran abad ke-21 ini termasuklah komunikasi, kolaboratif, kreatif, pemikiran kritis dan penerapan nilai murni dan etika.

### 1. KOMUNIKASI

STANDARD KEMAHIRAN PAK-21	KEMAHIRAN GURU	KEMAHIRAN MURID	APLIKASI DALAM GEOGRAFI
Berlaku interaksi antara guru-murid, murid-murid dan murid-bahan secara lisan dan bukan lisan bagi menyampaikan ilmu yang mereka faham dan berkongsi pengetahuan dengan rakan-rakan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guru haruslah memiliki suara yang jelas dan lantang.</li> <li>Kosa kata yang digunakan perlulah jelas dan mudah difahami oleh pelajar.</li> <li>Mewujudkan interaksi yang berkesan antara guru dengan murid khususnya dalam perbincangan.</li> <li>Guru perlulah memiliki kemahiran yang professional</li> </ul>	<p><b>Memerhati dan mendengar:</b> Melalui kemahiran ini murid dapat memberi maklumbalas yang baik dengan orang lain.</p> <p><b>Keyakinan:</b> Murid yakin untuk mewujudkan interaksi bersama guru dan rakan rakan dalam PDP.</p> <p><b>Penggunaan bahasa yang betul:</b> Penggunaan bahasa yang baik dan sopan dalam komunikasi</p>	<p><b>Tema:</b> Kemahiran Geografi</p> <p><b>Tajuk :</b> Arah</p> <p>Aplikasi komunikasi dalam subjek geografi adalah seperti berikut;</p> <p>Sebagai contoh melalui aktiviti pembentangan, murid akan membentangkan tentang</p> <p><b>Topik:</b> Langkah- langkah penggunaan kompas</p>

	<p>dalam menyoal dan menerang.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Guru juga perlu memainkan peranannya sebagai fasilitator kepada muridnya.</li> </ul>	<p>dapat mewujudkan interaksi yang harmoni antara guru dengan murid.</p> <p><b>Mahir dalam menggunakan bahan pembelajaran:</b></p> <p>Murid haruslah memiliki kemahiran dalam menggunakan bahan pengajaran. Contohnya, penggunaan kompas dalam subjek geografi memerlukan kemahiran membaca arah mata angin.</p>	<p>dalam menentukan arah mata angin.</p> <p><b>Aktiviti:</b></p> <p>Murid akan membentangkan hasil kerja mereka. Komunikasi akan wujud apabila guru bertanya soalan kepada pembentang serta murid di dalam kelas tersebut.</p> <p>Murid pula perlu aktif untuk bertanyakan soalan kepada guru dan rakan rakan yang membentang. Melalui situasi di atas komunikasi akan wujud apabila guru mengajukan soalan kepada pelajar dan pelajar mengajukan soalan kepada rakan mereka yang membentang.</p>
--	--	--	---

## 2. KOLABORATIF

STANDARD KEMAHIRAN PAK-21	KEMAHIRAN GURU	KEMAHIRAN MURID	APLIKASI DALAM GEOGRAFI
<p>Berlaku kerjasama dan muafakat antara guru dengan murid, dan murid dengan murid secara aktif dan menyeluruh yang membolehkan pertukaran idea dan pandangan antara murid.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru perlu menjadi fasilitator yang baik dalam mewujudkan suasana kelas yang kondusif.</li> <li>• Guru perlu bijak mendorong dan membimbing semua pelajar untuk terlibat dalam perbincangan.</li> <li>• Guru perlu menarik perhatian murid supaya tugas berkumpulan kelihatan lebih seronok pada pandangan mereka.</li> <li>• Melalui kolaborasi, guru boleh menerapkan beberapa nilai</li> </ul>	<p><b>Kerjasama:</b> Murid yang mempunyai pelbagai kebolehan bekerjasama dalam mencapai tujuan atau matlamat yang sama dan saling bergantung untuk berjaya.</p> <p><b>Tanggungjawab bersama:</b> Murid bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan dalam kumpulan dan menghargai sumbangan dan idea rakan-rakan yang lain.</p> <p><b>Pelibatan seimbang:</b> Murid dilibatkan secara seimbang dalam kumpulan melalui</p>	<p><b>Tema:</b> Kemahiran Geografi</p> <p><b>Tajuk:</b> Arah</p> <p><b>Aktiviti:</b> Menyelesaikan masalah yang diberi dengan menggunakan kompas untuk menentukan arah sesuatu kedudukan dalam kumpulan. Sebagai contoh, guru mengadakan ‘explorace’ di sekolah dengan memasukkan elemen-elemen berkaitan arah.</p> <p>Pelajar perlu menyelesaikan cabaran-cabaran yang disediakan dengan bekerjasama sesama ahli</p>

	<p>positif dalam diri murid itu sendiri, seperti bertanggungjawab terhadap tugas dalam kumpulan, penglibatan aktif atau seimbang, bersikap terbuka untuk menerima idea dan pandangan rakan-rakan lain serta mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan mereka.</p>	<p>pembahagian tugas berdasarkan keupayaan murid.</p> <p><b>Bertolak ansur:</b> Murid dapat menerima dan menghormati pendapat orang lain. Bersifat fleksibel serta dapat bertolak ansur demi mencapai matlamat yang sama.</p>	<p>kumpulan.</p>
--	--	---	------------------

### 3. KREATIVITI

STANDARD KEMAHIRAN PAK-21	KEMAHIRAN GURU	KEMAHIRAN MURID	APLIKASI DALAM GEOGRAFI
<p>Berlaku proses penjanaan idea yang menghasilkan inovasi bahan, aktiviti dan projek yang baharu, unik, berguna dan berkualiti.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guru perlulah bersifat kreatif dalam merancang atau membina aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran</li> </ul>	<p><b>Pemikiran terbuka:</b> Murid melihat situasi sedia ada daripada pelbagai sudut untuk menjana idea dan melakukan sesuatu dengan cara</p>	<p><b>Tema:</b> Kemahiran Geografi</p> <p><b>Tajuk:</b> Arah</p> <p><b>Aktiviti:</b> : Menentukan arah</p>

	<p>untuk menjana idea pelajar.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru perlu mahir dan berketrampilan dalam pedagogi.</li> <li>• Guru perlu bijak dalam menggunakan teknologi terkini.</li> <li>• Guru perlu meminta murid untuk memberi penerangan tentang produk yang dihasilkan. Dari situ, guru boleh menilai sama ada murid tersebut mampu memberi hujah-hujah yang kukuh atau tidak dalam mempertahankan keistimewaan produk ciptaannya.</li> </ul>	<p>yang berbeza.</p> <p><b>Pemikiran membina:</b> Murid menghasilkan dan menggunakan idea-idea baharu dalam konteks tertentu dan menjana hasil yang positif.</p> <p><b>Berani mengambil risiko:</b> Murid berani mencuba dan memberikan galakan tanpa merasa bimbang dengan kritikan.</p> <p><b>Berpandangan jauh:</b> Murid mempunyai hala tuju yang jelas dan berimajinasi secara asli serta tidak mengikut kelaziman.</p>	<p>kedudukan bagi sesuatu objek.</p> <p>Murid dikehendaki untuk melukis peta bilik darjah di samping menyatakan arah kedudukan bagi setiap objek yang ada.</p> <p>Sebagai contoh, murid perlu mengenalpasti arah kedudukan meja guru, pintu bilik darjah, dan sebagainya.</p> <p>Aktiviti ini dapat memupuk kreativiti dalam kalangan pelajar.</p>
--	---	--	--



#### 4. PEMIKIRAN KRITIS

STANDARD KEMAHIRAN PAK-21	KEMAHIRAN GURU	KEMAHIRAN MURID	APLIKASI DALAM GEOGRAFI
<p>Berlaku penerokaan pemikiran untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru perlulah memiliki kemahiran menyoal terutamanya dalam membina soalan KBAT.</li> <li>• Guru haruslah menguasai subjek iaitu kandungan kurikulum.</li> <li>• Guru juga perlu menjadi fasilitator yang baik khususnya memberikan peluang kepada murid untuk membahaskan pendapat mereka.</li> </ul>	<p><b>Bermaklumat:</b> Murid memiliki maklumat mengenai pelbagai perkara/bidang.</p> <p><b>Sikap ingin tahu:</b> Murid meneroka sesuatu bidang ilmu dengan cara pembacaan, penyoalan, melakukan aktiviti secara hands-on untuk mendapatkan maklumat.</p> <p><b>Membuat keputusan:</b> Murid membuat keputusan berdasarkan maklumat dan berupaya mempertahankan keputusan dengan memberikan bukti.</p> <p><b>Pemikiran</b></p>	<p><b>Tema:</b> Kemahiran Geografi</p> <p><b>Tajuk:</b> ARAH</p> <p>Aplikasi pemikiran kritis dalam subjek geografi adalah seperti berikut :</p> <p>Guru mengemukakan soalan KBAT kepada murid, contohnya;</p> <p>“Huraikan kepentingan arah mata kepada aktiviti manusia ?”</p> <p><b>Jangkaan jawapan murid:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menentukan arah kiblat.</li> <li>• Digunakan dalam aktiviti pelayaran pada</li> </ul>

		<p><b>terbuka:</b> Murid berfikiran terbuka, menerima pandangan orang lain dan merendah diri.</p>	<p>masa dahulu.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Digunakan untuk mencari lokasi semasa peperangan.</li> <li>• Menggunakan pancaran matahari.</li> </ul>
--	--	---	---

### 5. NILAI MURNI DAN ETIKA

STANDARD KEMAHIRAN PAK-21	KEMAHIRAN GURU	KEMAHIRAN MURID	APLIKASI DALAM GEOGRAFI
<p>Penerapan dan pemupukan nilai murni dan etika ke arah pembentukan jati diri nasional mengikut acuan Malaysia.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerapkan elemen nilai murni yang sesuai dalam Rancangan Pengajaran Harian.</li> <li>• Guru perlu memastikan murid dapat menyatakan nilai murni semasa sesi PDP agar murid dapat menzahirkan nilai murni dalam tingkah laku mereka.</li> <li>• Guru perlu memastikan</li> </ul>	<p><b>Penghayatan dan amalan:</b> Murid perlu menzahirkan amalan nilai murni dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.</p>	<p><b>Tema:</b> Kemahiran Geografi</p> <p><b>Tajuk:</b> ARAH</p> <p>Aplikasi nilai murni dan etika dalam subjek Geografi adalah seperti berikut :</p> <p>Contohnya, guru melaksanakan aktiviti pembelajaran di luar kelas seperti memungut sampah di sekitar sekolah, menanam pokok bunga atau membina</p>

	<p>murid dapat memahami kesan amalan nilai murni dalam diri mereka serta dalam kalangan masyarakat.</p>		<p>kebun kecil.</p> <p>Aktiviti ini dapat mendekatkan murid dengan alam sekitar sekaligus dapat menerapkan nilai murni dan etika dalam diri pelajar.</p> <p>Semasa aktiviti ini guru perlu memastikan penglibatan aktif semua murid agar nilai murni dan etika dapat memberi kesan dalam diri mereka.</p>
--	---	--	---

### **CIRI-CIRI PEMBELAJARAN ABAD KE-21**

Antara ciri pembelajaran abad ke-21 ialah pengajaran berpusatkan pelajar. Hal ini demikian kerana, pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar amat digalakkan dalam abad ke-21 dimana guru masih boleh mengajar tetapi guru bukan lagi sumber utama ilmu pengetahuan dalam kelas. Pelajar perlu mendapatkan maklumat baru dan mampu menggabungkan maklumat tersebut dengan pengetahuan sedia ada dan menggunakannya untuk menyelesaikan masalah serta tidak lagi mengharapkan guru memberikan jawapan. Sebagai contoh, pelajar terlibat dalam pelbagai jenis aktiviti amali dan guru ditugaskan sebagai fasilitator. Pembelajaran jenis ini adalah tentang penemuan dan bukan menghafal fakta. Pelajar mempunyai motivasi dan tanggungjawab yang tinggi.

Ciri pembelajaran abad ke-21 yang seterusnya ialah penggunaan komputer. komputer merupakan salah satu alat penting untuk kelas abad ke-21 yang sangat

membantu dalam pengajaran dan pembelajaran dan boleh digunakan secara meluas untuk mencari maklumat melalui akses internet. Ciri PAK-21 yang selanjutnya ialah pembelajaran aktif. Ciri ini menggalakkan penglibatan pelajar yang lebih aktif sama ada dengan perbincangan bersama rakan, atau pun penggunaan komputer. Ciri lain ialah pembelajaran sendiri. Ciri tersebut menunjukkan bahawa kelas masih boleh berfungsi dengan pelbagai aras pembelajaran.

Disamping itu, ciri PAK-21 yang lain ialah persekitaran yang kondusif. Hal ini demikian kerana persekitaran fizikal bilik darjah sangat penting kerana persekitaran kondusif boleh menggalakkan atau menghalang pembelajaran. Menurut Merland (2002) suasana fizikal bilik darjah mungkin merupakan “kawan” atau “musuh” dalam pembelajaran. Ciri PAK-21 yang seterusnya ialah pelajar faham dan mematuhi arahan. Hal ini demikian kerana pembelajaran dirancang dengan teliti dan tersusun akan dapat memberi kefahaman kepada pelajar. Sebagai contoh, peraturan kelas, prosedur dan notis ditampal di ruang khas bagi memudahkan pelajar sentiasa berada dalam landasan yang betul.

Selain itu, saling hormat-menghormati juga merupakan ciri PAK-21. Guru dan pelajar perlu hormat-menghormati antara satu sama lain. Guru perlu menggalakkan pelajar berucap dengan yakin dan menghargai pendapat mereka. Pelajar perlu belajar bekerjasama dan menghormati rakan sekelas. Ciri PAK-21 yang lain juga ialah pelajar bertanggungjawab terhadap pelajaran mereka. Hal ini demikian kerana, sekiranya pelajar digalakkan untuk terlibat aktif dalam pembelajaran, maka mereka akan lebih bertanggungjawab dengan pembelajaran mereka.

Ciri PAK-21 selanjutnya ialah penilaian berasaskan pencapaian. Guru sentiasa menjalankan penilaian dengan pelbagai kaedah tanpa terikat dengan sesuatu bentuk ujian sahaja.

Akhir sekali, pembelajaran secara kolaboratif. Melalui ciri tersebut, pelajar dapat belajar untuk bekerja secara kolaboratif kerana masyarakat pada harini bekerja secara kolaboratif di serata dunia. Kolaboratif perlu dinamik. Pelajar perlu belajar bagaimana untuk mengenalpasti pelbagai kekuatan dan bakat setiap orang yang berbeza yang boleh diketengahkan sesuatu tugas dan menukarkan peranan berdasarkan sifat-sifat ini.

## **RUMUSAN**

Secara keseluruhannya, matlamat utama PAK-21 diperkenalkan untuk menghasilkan lebih ramai pembelajaran sepanjang hayat, iaitu mereka yang mempunyai kemahiran yg pelbagai untuk memastikan kesinambungan kehidupan dalam zaman yang sentiasa berubah. Selain itu, PAK-21 dalam kepelbagaian budaya merupakan satu strategi dan perspektif baharu untuk memahami variasi pelajar dari masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang budaya. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan dalam memastikan keberhasilan dan kemenjadian murid berlaku secara aktif agar tercapai enam aspirasi abad ke-21. Keberkesanan pelaksanaan PAK-21 berkait rapat dengan kefahaman guru terhadap ciri-ciri PAK-21, reka bentuk bilik dan kesediaan guru sebagai pemimpin proses pembelajaran

## **REFLEKSI SETIAP AHLI**

**NAMA** : Ibnu Sany Bin SamsulBahri

**NO. MATRIK** : 136361

Melalui pembentangan pembelajaran abad ke-21 ini, terdapat banyak input yang saya dan rakan-rakan lain peroleh selain daripada mengaplikasikannya ke dalam pengajaran mikro sebelum ini. Standard pembelajaran abad ke-21 yang terbahagi kepada lima ini telah memberi pendedahan awal kepada saya dan rakan-rakan sebagai seorang bakal guru untuk mengembang dan mempelajari pelbagai kemahiran dalam mengajar. Melalui pembelajaran abad ke-21 ini juga, terdapat beberapa aktiviti yang dapat diaplikasikan ke dalam bilik darjah. Kepelbagaian aktiviti yang dapat diterapkan di dalam bilik darjah secara tidak langsung dapat meningkatkan dan menimbulkan minat para pelajar untuk belajar. Kaedah berpusatkan murid ini penting dalam membentuk keperibadian murid kerana semua perkara yang hendaklah dilakukan sendiri dan guru hanyalah bertindak sebagai fasilitator.

Bukan guru dan murid sahaja, bilik darjah berkonsepkan pembelajaran abad ke-21 juga mampu mewujudkan suasana kondusif yang mampu memberikan pendidikan yang selesa kepada pelajar. Perlu diingatkan kepada bakal guru kelak, pembelajaran abad ke-21 ini bukan sahaja tertumpu kepada teknologi, bahkan pembelajaran abad ke-21 ini juga boleh diaplikasikan melalui aktiviti-aktiviti yang tidak memerlukan bahan-bahan multimedia. Oleh itu, tiada alasan bagi guru-guru dalam menerapkan pembelajaran abad ke-21 pada masa dan generasi kini.

**NAMA** : Nurul Zuheinna Binti Tan Teck Fui

**NO. MATRIK** : 136485

Pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) merupakan kaedah pembelajaran selaras dengan era globalisasi kini. Kaedah PAK-21 memperlihatkan negara kita telah menuju ke arah pembelajaran bertaraf dunia. PAK-21 sememangnya membawa perubahan yang lebih baik dalam sistem pendidikan di negara kita. Secara umumnya, PAK-21 merupakan pembelajaran yang berpusatkan murid. Terdapat beberapa elemen yang ditekankan dalam standard asas PAK-21 iaitu komunikasi, kolaboratif, kreativiti, nilai murni dan etika. Melalui PAK-21 sistem pembelajaran dan pengajaran akan menjadi lebih menarik dan memberangsangkan. Galakan penglibatan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah sangat baik untuk meningkatkan kefahaman murid. Kepelbagaian kaedah dalam pdp banyak membantu dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang efektif. Beberapa kaedah yang terlibat dalam PAK-21 ialah kaedah perbincangan, lakonan, menyoal, inkuiri, demonstrasi dan sebagainya. Bukan itu sahaja, soalan yang dikemukakan juga adalah berasaskan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kepelbagaian kaedah pengajaran ini membolehkan guru untuk memilih pendekatan yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PAK-21 juga diaplikasikan dalam pembelajaran geografi. Melalui PAK-21 ini, dapat melahirkan pelajar geografi yang berkemahiran, kreatif, praktikal, dan berfikir aras tinggi. Sebagai contoh dalam pengajaran Geografi, pelajar dilatih dan diajar untuk mahir dalam melihat peta. Kemahiran ini bukan sahaja dapat digunakan dalam pembelajaran di sekolah malah juga dapat dimanfaatkan dalam kehidupan seharian seperti menggunakan aplikasi 'waze' dan 'google maps'. Hal ini menunjukkan bahawa PAK-21 dapat melahirkan pelajar yang berkebolehan dan berpengetahuan tinggi.

**NAMA** : Mohliza Binti Md. Ali

**NO. MATRIK** : 136388

Pembelajaran abad ke-21 merupakan salah satu asas kepada pembelajaran dan pengajaran masa kini, PAK-21 ini diwujudkan adalah untuk mengubah senario pembelajaran yang mana dahulu proses PDP hanya berfokus kepada berpusatkan guru. Pengenalan konsep pembelajaran abad ke-21 ini telah membawa satu senario baru iaitu pembelajaran yang berpusatkan murid di mana guru bertindak sebagai fasilitator. PAK-21 ini merangkumi kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul. Lima

standard kemahiran dalam PAK-21 seperti komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreatif dan nilai murni menjadi panduan kepada pembelajaran yang berkesan. Lima standard kemahiran ini memainkan peranan yang penting dalam konteks pembelajaran masa kini. Lima standard ini dapat membantu guru melahirkan pelajar yang berkemahiran global serta berdaya saing. PAK-21 ini juga dapat membantu guru untuk melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif.

Pada pendapat saya PAK-21 ini merupakan satu asas yang penting kepada bakal pendidik kerana dapat membantu seorang guru untuk mewujudkan pembelajaran yang berkesan dan bermakna di dalam bilik darjah. Tambahan lagi, kepentingan PAK-21 dalam subjek geografi ialah dapat melahirkan individu geografi yang bermaklumat selaras dengan matlamat kurikulum standard sekolah menengah. PAK-21 juga dapat melahirkan pelajar geografi yang kreatif dan bertanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar pada masa kini. Sebagai contoh, Standard kemahiran PAK-21 iaitu pemupukan nilai murni dan etika dapat diaplikasikan dalam pengajaran subjek geografi. Nilai yang dapat dipupuk ialah menghargai alam sekitar dan memastikan murid-murid memiliki perasaan cinta kepada alam sekitar.

**NAMA** : Juriana Binti Ismail

**NO. MATRIK** : 136365

Seerti yang kita sedia maklum, Malaysia merupakan sebuah negara yang berkembang pesat seiring dengan ledakan globalisasi pada masa kini. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha membawa suatu perubahan dalam pendidikan yang mana bersesuaian dengan matlamat dan zaman iaitu Pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) yang bermula pada tahun 2014. PAK-21 dikatakan sebagai proses yang mana berpusatkan kepada murid. Terdapat beberapa elemen atau pun standard asas PAK-21 yang diterapkan iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Kini PAK-21 menjadi isu yang hangat dalam dunia pendidikan kerana mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini. Pendidikan yang berkualiti dan berkesan dapat menyumbang kearah menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Oleh itu, kepelbagaian teknik dan pengajaran guru sangat penting untuk melahirkan para pelajar yang cemerlang daripada pelbagai bidang terutamanya bidang pembelajaran dan insaniah. Pengetahuan tentang kemahiran abad ke-21 penting untuk guru dan pelajar agar dapat menguasai aktiviti pembelajaran dalam keadaan yang menyeronokkan. Sebagai

seorang guru atau bakal menjadi guru, dalam menempu pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, kita perlu mencari pendekatan, kaedah, strategi dan teknik pengajaran yang baru agar murid pascamerdeka kini suka akan guru sekaligus suka kepada pengajaran guru. Secara kesimpulannya, pembelajaran abad ke-21 perlu dititikberatkan demi menjamin kelangsungan masyarakat Malaysia yang berdaya saing, kreatif dan rasional dalam membentuk negara bangsa yang Berjaya dan kompeteten terhadap negara lain.

## **RUJUKAN**

10 Ciri Pembelajaran Abad ke-21. Diakses pada 14 Oktober 2019 daripada

<https://www.gpsbestari.com/tip/tip-mengajar/10-ciri-pembelajaran-kelas-abad-ke-21-1.540930>

Apa itu Pembelajaran Abad ke-21. Diakses pada 12 Oktober daripada

<https://www.pendidik2u.my/pembelajaran-abad-ke-21-pak21/>

Barnett Berry. (2011). Founder and CEO, Center of Teaching Quality

Kementerian Pendidikan Malaysia, Pembelajaran Abad ke-21. Diakses pada 12

Oktober 2019 daripada

[http://jpnkedah.moe.gov.my/images/files/Surat\\_Hebahan/Pembelajaran\\_abad\\_21.pdf](http://jpnkedah.moe.gov.my/images/files/Surat_Hebahan/Pembelajaran_abad_21.pdf)

Micheal Merland. (1975). *The Craft Of Classroom*. United Kingdom: Heinemann

Educational

Ranjeet Muthukumar. (2019). Pendidikan Untuk Semua, Mazlee Garis 3 Hala Tuju.

*FTM News*. Diakses pada 11 Oktober daripada

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/01/14/pendidikan-untuk-semua-maszlee-garis-tiga-hala-tuju/>